

27/02/2001

Negara Asean tidak senangi tindakan Singapura

KUALA LUMPUR, Isnin - Malaysia hari ini menyuarakan kebimbangan terhadap tindakan Singapura yang mengadakan perjanjian perdagangan bebas berasing dengan beberapa negara lain.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, negara yang mengikat perjanjian seumpama itu dengan anggota Asean boleh membawa masuk barangan mereka ke Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) melalui pintu belakang.

"Ini sesuatu yang amat membimbangkan kerana anda tahu, secara amnya dalam Afta, kita menerima apa saja yang mengandungi 40 peratus bahan tempatan dan dianggap keluaran nasional.

"Ini bermakna mereka boleh memasuki pasaran negara lain. Kita terpaksa melihat ini dengan berhati-hati kerana ia boleh dijadikan laluan masuk melalui pintu belakang ke dalam Afta," kata Perdana Menteri selepas menyampaikan ucapan di Persidangan Antarabangsa Mengenai Globalisasi, di sini hari ini.

Jumaat lalu, Singapura dan Australia mengakhiri rundingan pusingan pertama untuk mengikat perjanjian perdagangan dan yakin ia boleh dimeterai menjelang akhir tahun ini.

Republik itu juga baru-baru ini sudah memeterai perjanjian perdagangan bebas dengan New Zealand dan sedang berusaha secara agresif untuk mengikat perjanjian serupa dengan Jepun, Amerika Syarikat, Kanada, Mexico dan Kesatuan Eropah.

Tindakan Singapura itu, yang ekonominya memang bergantung kepada perdagangan antarabangsa, tidak disenangi negara Asean lain.

Sebelum ini, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti), Datuk Seri Rafidah Aziz memberi amaran Malaysia tidak akan menerima sebarang percubaan dari Australia dan New Zealand untuk menggunakan perjanjian hubungan rapat ekonomi (CER) dengan Singapura sebagai pintu belakang memasuki Afta.

Singapura mempertahankan bahawa perjanjian seumpama itu akan mempercepatkan pembukaan perdagangan global. Tetapi langkah itu dikritik sebagai menjejaskan pasaran perdagangan pelbagai hala termasuk Afta sendiri.

Dr Mahathir juga berkata, Malaysia mungkin tidak bersedia untuk pusingan rundingan perdagangan bebas November ini bagi mempromosikan pusingan baru rundingan global mengenai liberalisasi perdagangan di bawah Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO).

"Kita tidak dapat pergi ke rundingan akan datang menjelang akhir tahun ini. Kita memerlukan banyak masa untuk merangka keperluan negara membangun. Banyak perkara yang dicadangkan yang kita tidak faham," katanya.

Mesyyarat Menteri Ekonomi negara Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Brunei November lalu bersetuju dengan saranan Malaysia bahawa pelancaran pusingan rundingan perdagangan bebas baru mestilah dibuat selepas agendanya dirumuskan dulu.

Jemaah menteri ekonomi Apec bersetuju pelancaran pusingan rundingan yang berjaya, memerlukan satu agenda seimbang serta menyeluruh untuk memenuhi keperluan semua negara anggota WTO.

(END)